

25 MAY 2001

BOEING-MSC

BOEING TEROKAI PELUANG PELABURAN DALAM MSC, KATA CEO

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Boeing, gergasi aero angkasa, penerbangan udara dan komunikasi angkasa, akan menerokai peluang-peluang pelaburan di dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini, kata pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya, Phil Condit.

Beliau berkata Boeing boleh mengusahakan projek-projek seperti Connexion, perkhidmatan Internet udara, dan juga Digital Cinema dan komunikasi angkasa.

Connexion adalah perkhidmatan Internet jalur lebar yang kini telahpun diperolehi di dalam jet-jet perniagaan persendirian sementara Digital Cinema adalah sistem penghantaran filem pelbagai titik berasaskan gentian optik dan setelit yang revolusiner ke pawagam-pawagam di seluruh dunia.

"Kami adalah syarikat yang melakukan banyak kerja dalam komunikasi. Mungkin sesetengah perkara yang kami boleh lakukan juga di sana," Condit memberitahu Bernama di dalam satu wawancara di sini.

Condit, yang kini dalam lawatan beberapa negara Asia, menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir di Putrajaya semalam.

Apabila ditanya mengenai usaha sama milik 25 peratus Boeing, Asian Composite Manufacturing Sdn Bhd, di Bukit Kayu Hitam, Kedah, Condit berkata bahan-bahan komposit itu akan memulakan pengeluaran menjelang akhir bulan ini.

Condit, yang juga menilai pembangunan ekonomi di seluruh dunia, telah ditanya bagaimana beliau merasai mengenai Malaysia dan kesan daripada kemungkinan pemulihan ekonomi AS. Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.2 peratus dalam suku pertama tahun ini walaupun serangan kelembapan ekonomi AS lewat tahun lalu dan awal tahun ini.

"Saya tertarik oleh apa yang saya telah lihat di Malaysia. Tahap aktiviti (ekonomi) adalah amat tinggi," kata Condit, yang telah bersama Boeing selama 35 tahun lalu.

Tambah beliau, "Banyak kemajuan bagi Malaysia. Harapan saya bagi Malaysia ialah bahawa jika AS pulih, perkara-perkara seperti pengeluaran chip akan menyaksikan ia berkesan agak langsung, dan itu mungkin amat positif (bagi Malaysia)."

Sebahagian besar daripada eksport perkilangan Malaysia adalah dalam komponen-komponen elektronik dan semikonduktor. Motorola, salah satu daripada pengeluar semikonduktor terbesar AS di Malaysia, telahpun bersedia bagi peningkatan dalam industri chip menjelang suku keempat tahun ini.

"Terdapat alasan-alasan (bagi kami) untuk agak optimis terhadap Malaysia tetapi kami sedang bergerak kepada ekonomi global di mana setiap benda adalah berkait," kata Condit.

Beliau juga berkata sementara pemulihan ekonomi AS adalah penting bagi Boeing, kedudukan ekonomi di seluruh dunia adalah malahan lebih penting.

"Kami adalah satu perniagaan yang mempunyai lebih daripada 50 peratus daripada hasil kami di luar AS. Dan sesetengah bidang perniagaan seperti kapal terbang komersil mempunyai 70 peratus daripada hasil mereka di luar AS.

"Kami melihat kesan ekonomi AS ke atas ekonomi dunia dan sebahagian daripada apa yang saya lakukan di dalam lawatan ini ialah mendapatkan rasa bagi ekonomi-ekonomi Asia seperti apa yang berlaku, apa berlaku di Jepun, Malaysia, Singapura atau China," katanya.

Condit merasakan bahawa Jepun adalah membimbangkan kerana ekonominya tidak bergerak selama 10 tahun.

"Masih terdapat isu-isu besar. (Sungguhpun) ia adalah jelas terfokus kepada pembaharuan, itu adalah tugas yang besar dan sukar.

Mengenai Eropah, Condit berkata beliau juga bimbang sedikit mengenai rantau ini kerana ia sedang menurun.

Tetapi beliau berkata keadaan adalah sukar di AS kerana Bank Rizab Persekutuan telah membalas secara agresif kepada keadaan ekonomi dengan memotong kadar faedah.

"Eropah telah lebih perlahan dalam melakukan itu dan kesan ini (daripada lembap kepada mengurangkan kadar faedah) dilihat (sedang menurun)," kata beliau. -- BERNAMA

SHY MR OS